

**NOTIS PENTING:  
INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET  
PENDASAR DAN IA BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

**TERMA & SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN MUDARABAH ("SURIA")**  
(Tidak Dilindungi Oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca dengan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk SURIA, pamflet, brosur atau mana-mana terma & syarat yang relevan yang dikeluarkan oleh BMMB ("Bank") yang boleh dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis tertentu akaun-akaun yang dibuka oleh Pemegang Akaun Pelaburan ("PAP"). Mana-mana akaun yang dibuka dan setiap operasi yang dibuat ke atas SURIA adalah tertakluk sepenuhnya oleh Terma & Syarat yang dinyatakan di bawah:

**1. DEFINISI**

1.1. Definisi

- a) "BMMB atau Bank" bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No. 196501000376 (6175-W)] dan termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.
- b) "BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.
- c) "Modal yang Dilaburkan" bermaksud gabungan jumlah pelaburan awal dan keuntungan bulanan yang diterima oleh PAP.
- d) "Pengesahan" bermaksud, berkaitan dengan Pelaburan, dokumen atau bukti-bukti lain yang ditukar di antara pihak-pihak bagi mengesahkan terma dan syarat Pelaburan.
- e) "Force Majeure" merujuk kepada sebarang keadaan di mana pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini sepertimana yang dijelaskan menurut item 33 di bawah ini.
- f) LPD bermaksud Laporan Prestasi Dana yang akan dipaparkan di laman web BMMB pada setiap suku tahun. LPD adalah keperluan di bawah garis panduan Akaun Pelaburan di mana semua maklumat mengenai dana akaun pelaburan akan dibentangkan kepada PAP.
- g) "Penilaian Kesesuaian PAP" bermaksud penilaian yang dijalankan oleh Bank dalam mengumpul maklumat yang diperlukan daripada bakal PAP untuk membentuk asas munasabah bagi cadangan oleh pihak Bank.
- h) "Pelaburan" bermaksud pelaburan SURIA ke dalam Usaha Niaga *Mudarabah* di antara PAP dan pihak Bank.
- i) "Dana Akaun Pelaburan" merujuk kepada dana atau pelbagai dana yang terdiri daripada campuran Aset Portfolio.
- j) "Pemegang Akaun Pelaburan (PAP)" bermaksud pemegang akaun bagi Akaun Pelaburan.
- k) "Amaun Pelaburan" bermaksud, berkaitan dengan Pelaburan ke dalam Usaha Niaga *Mudarabah*, amaun yang akan dilaburkan merujuk kepada gabungan jumlah pelaburan awal dan keuntungan bulanan yang diterima oleh PAP dengan Bank.
- l) "Tarikh Pelaburan" bermaksud perletakan Amaun Pelaburan ke dalam akaun SURIA pada bila-bila masa.
- m) "SPRM" bermaksud Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- n) "MEPS" bermaksud Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia.
- o) "*Mudarabah*" bermaksud kontrak di antara pemodal (*rabbul mal*) dan pengusaha (*mudarib*) di mana *rabbul mal* memberi modal untuk diuruskan oleh *mudarib* dan sebarang keuntungan daripada modal tersebut akan dikongsi di antara *rabbul mal* dan *mudarib* berdasarkan kepada nisbah kadar keuntungan yang telah dipersetujui awalnya manakala kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh *rabbul mal* dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan bukanlah berpunca daripada salah laku (*ta'adi*), kecuaiian (*taqsir*), dan melanggar terma-terma (*mukhalafah al-shurut*) oleh pihak Bank.
- p) "Usaha Niaga *Mudarabah*" merujuk kepada pelaburan ke dalam Aset Portfolio.
- q) "Pelaburan Tidak Dijamin Prinsipalnya" bermaksud Amaun Pelaburan tidak dijamin/dilindungi oleh pihak Bank dan terdapat kebarangkalian PAP kerugian sehingga Amaun Pelaburan yang dilaburkan.

**AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

- r) "Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)" bermaksud kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh PAP bagi membolehkan PAP memperoleh seketengah perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan Kad Debit.
- s) "Risalah Pendedahan Produk (RPP)" bermaksud dokumen yang mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan penawaran produk SURIA.
- t) "Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK)" bermaksud nisbah perkongsian keuntungan yang ditentukan pada awalnya akan dikongsi di antara PAP sebagai pemodal dan pihak Bank sebagai pengusaha dan hendaklah dipersetujui pada permulaan kontrak Mudarabah.
- u) "SURIA" bermaksud Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah.
- v) "Terma & Syarat (T&S)" bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak BMMB beserta notis dan hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.
- w) "Akaun Amanah" bermaksud akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh pendeposit seperti penjaga yang sah atau ibubapa yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi Pelanggan. Contoh, Akaun Pelanggan Guaman.
- x) "Aset Portfolio" merujuk kepada portfolio aset pembiayaan yang berasal daripada dan ketika ini direkodkan sebagai aset dalam buku akaun Bank.

## 2. PEMBUKAAN AKAUN

- 2.1. Permohonan untuk membuka Akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat pihak Bank, seperti umur, deposit minimum, rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat-syarat tersebut dari semasa ke semasa.
- 2.2. SURIA diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tanpa Had (APTH) di mana PAP memberi mandat kepada pihak Bank untuk membuat keputusan pelaburan secara muktamad tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat tertentu. SURIA diklasifikasikan di bawah klasifikasi "Akaun Pelaburan" Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013.
- 2.3. Sebagai sebahagian daripada syarat-syarat urusan saksama Bank dan dalam mematuhi syarat-syarat di bawah garis panduan Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh BNM atau mana-mana garis panduan lain yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa, PAP, sama ada individu (runcit) atau bukan individu (korporat), tertakluk kepada Penilaian Kesesuaian PAP sebelum menerima pelaburan ke dalam SURIA oleh kerana SURIA adalah Pelaburan Tidak Dijamin Prinsipalnya.
- 2.4. Keputusan Borang Penilaian Kesesuaian yang telah dilakukan semasa pembukaan akaun adalah sah selagi profil kewangan PAP tidak merosot dengan ketara. PAP bertanggungjawab untuk mengemaskini pihak Bank berkenaan keadaan kewangan mereka semasa mana-mana pelaburan baru diambil dengan pihak Bank.
- 2.5. Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dan pihak Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka Akaun dengan mengemukakan sebab yang munasabah jika permohonan tersebut melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 2.6. PAP hendaklah membuat pengisytiharan dan penerimaan bahawa PAP akan terikat dengan:
  - (a) Terma & Syarat Akaun;
  - (b) Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan
  - (c) Undang-undang Malaysia.
- 2.7. SURIA boleh dibuka oleh mana-mana individu yang berkelayakan ataupun individu yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas. Mana-mana individu di bawah umur 18 tahun boleh membuka SURIA dengan ibu/bapa atau penjaga yang sah bertindak sebagai pemegang amanah. Ia adalah satu syarat nyata bahawa sehinggalah individu bawah umur tersebut mencapai umur 18 tahun, arahan-arahan daripada ibu/bapa atau penjaga yang sah sahaja akan diterima dan sah bagi semua urusan niaga yang berkaitan dengan akaun tersebut.
- 2.8. PAP mestilah telah membaca RPP, T&S dan semua dokumen yang berkaitan, hendaklah memenuhi penilaian kesesuaian dan disyorkan oleh pihak Bank sebelum pembukaan SURIA.

### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

### 3. OBJEKTIF PELABURAN DAN STRATEGI

- 3.1 Objektif: untuk melabur dalam saluran pelaburan berisiko rendah dengan kelebihan berpeluang mengambil bahagian dalam kempen untuk memenangi hadiah. Ini adalah pelaburan berisiko rendah bagi mencapai pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil.
- 3.2 Strategi: untuk melabur dalam aset runcit yang selamat dan berisiko rendah, Pembiayaan Perumahan sedia ada untuk tujuan melindungi pelaburan dan menjana pulangan yang stabil kepada PAP.

### 4. KAEDAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN

- 4.1 Penentuan pulangan kepada PAP akan dilakukan secara bulanan berdasarkan penilaian aset portfolio Dana mengikut Piawai Laporan Kewangan Malaysia (PLKM).

### 5. PELABURAN DAN PENGELUARAN

- 5.1. Bagi memulakan pelaburan, PAP hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:
  - (a) Melengkapkan prosedur pembukaan akaun termasuk melengkapkan borang pembukaan akaun ("**Borang Permohonan**"), Borang Penilaian Kesesuaian PAP, membaca RPP dan T&S.
  - (b) Memasukkan sejumlah wang bersamaan nilai Amaun Pelaburan.
- 5.2. SURIA tidak boleh diserah hak atau dipindah milik atau digadaikan atau disandarkan sebagai cagar kepada mana-mana pihak selain daripada Bank.
- 5.3. PAP dengan ini bersetuju bahawa PAP hendaklah melepaskan pihak Bank daripada sebarang liabiliti dan melindungi hak Bank terhadap sebarang kerugian, tuntutan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan walau apa sekalipun yang dibawa dan dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung dan dialami oleh Bank akibat daripada bertindak sebagai ejen bagi PAP dalam menjalankan fungsi pelaburan atau dalam menguatkuasakan T&S yang terkandung di sini atau ditanggung oleh Bank dalam mana-mana prosiding undang-undang dalam apa jua bentuk dan kecuali bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiian, penyelewengan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.
- 5.4. PAP bersetuju dan berwa'd bahawa setiap deposit hendaklah disertai slip deposit yang ditetapkan, borang dan/atau resit yang dikeluarkan oleh Bank dan mengemukakan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh Bank. Resit yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika disahkan oleh mesin dan/atau melalui arahan lisan, diakui oleh pegawai Bank yang diberi kuasa dan/atau oleh PAP. PAP hendaklah memastikan bahawa pengesahan atau pengakuan ini dilakukan sebelum meninggalkan premis Bank. PAP bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran yang dibuat daripada Akaun Simpanan PAP hendaklah dibuat:-
  - (a) oleh PAP dan hendaklah disertai slip pengeluaran yang ditetapkan atau apa-apa borang yang dikeluarkan oleh Bank dan/atau pengemukakan buku simpanan dan mungkin dikehendaki menunjukkan bukti pengenalan diri seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank; dan/atau
  - (b) melalui Mesin Juruwang Automatik ("MJA"). PAP dengan ini selanjutnya bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran melalui MJA hendaklah menurut terma dan syarat yang terpakai untuk MJA seperti yang ditentukan oleh Bank.
  - (c) oleh PAP sama ada melalui arahan lisan atau selainnya dan/atau ditandatangani walaupun dokumen itu mungkin tidak dilengkapkan oleh PAP untuk mengeluarkan apa-apa atau semua wang dalam mana-mana Akaun Perbankan PAP. Selepas menandatangani dan/atau mengeluarkan wang, PAP bersetuju bahawa transaksi yang dilaksanakan berdasarkan arahan lisan PAP yang diakui sewajarnya oleh PAP melalui tandatangan PAP hendaklah dianggap muktamad.
- 5.5. PAP seterusnya bersetuju bahawa semua cek dan instrumen yang didepositkan, atau apa-apa pindahan sama ada melalui mel, melalui telegram atau elektronik diterima untuk pungutan hanya dan kecuali dengan pengaturan khas, tidak boleh dikeluarkan sehingga hasil kutipan telah diterima oleh Bank. Bank berhak menolak pungutan cek dan instrumen deposit yang pada pendapat Bank tidak sama atau yang telah dipinda dalam apa jua cara walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh PAP.
- 5.6. PAP bersetuju bahawa selain Terma dan Syarat ini, PAP terikat selanjutnya dengan syarat yang tercetak pada penyata Akaun Simpanan PAP atau risalah yang mengandungi terma dan syarat atau brosur atau di bahagian belakang slip deposit yang dilampirkan pada sampul deposit cek dan/atau pada resit yang dikeluarkan oleh mesin deposit tunai atau mesin deposit cek yang dibenarkan oleh Bank dan Terma Khas lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari masa ke masa dengan notis yang mencukupi sebelum tarikh pelaksanaan.
- 5.7. Penerimaan dan penerusan SURIA akan sepenuhnya mengikut budi bicara Bank.

## **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

## 6. PENGENDALIAN AKAUN

- 6.1. PAP boleh mengeluarkan atau men deposit wang di kaunter Bank, perbankan internet dan mana-mana saluran terminal kemudahan automatik seperti Mesin Juruwang Automatik (“MJA”), Mesin Deposit Tunai (“MDT”) dan Terminal Deposit Cek (“TDC”) pada bila-bila masa, tertakluk kepada waktu operasi Bank.
- 6.2. Pihak Bank akan mengeluarkan slip deposit kepada PAP apabila memasukkan wang tunai atau cek. PAP hendaklah memastikan segala butir-butir yang dikehendaki diisi dengan betul sebelum memasukkan cek atau wang tunai. Bukti urusan pada salinan pendua sama ada dengan pengesahan komputer atau disahkan oleh pegawai Bank yang bertugas. PAP hendaklah memastikan bahawa salinan pendua tersebut mempunyai pengesahan sebelum meninggalkan premis Bank. Salinan pendua hanya sah sebagai penerimaan resit sekiranya mempunyai pengesahan seperti yang dinyatakan.
- 6.3. Sebagai syarat pengeluaran dari Akaun di kaunter Bank, PAP hendaklah menghadirkan diri ke cawangan Bank dan menyediakan Bank dengan pengenalan atau maklumat sebagai bukti pengenalan, dan/atau tandatangan PAP pada sesetengah dokumen pengeluaran yang telah ditandatangani di hadapan kakitangan Bank. Pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- 6.4. Jumlah minimum untuk deposit atau pengeluaran melalui MJA adalah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM 10) dan MDT adalah Ringgit Malaysia Lima (RM 5) manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu (RM 1) dan baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam akaun adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50).
- 6.5. Pengeluaran antara cawangan boleh dibuat oleh pihak PAP sendiri di cawangan Bank seluruh Malaysia dengan mengemukakan bukti pengenalan diri.
- 6.6. PAP mengakui bahawa kesemua permohonan untuk penghantaran wang ke luar seperti RENTAS, MEPS Interbank GIRO, deraf permintaan, perintah juruwang (cashier’s order) adalah tertakluk kepada tamat waktu harian Bank dan kesemua caj akan didebitkan ke akaun PAP yang berkenaan.
- 6.7. Akaun boleh ditutup atas permintaan PAP. PAP hendaklah menghadirkan diri ke cawangan pegangan/ utama atau secara alternatif, menghubungi pihak Bank dengan secara bertulis dengan menyertakan dokumen-dokumen pengenalan diri yang berkenaan sebagai bukti.
- 6.8. Sekiranya PAP tidak dapat menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama, pihak PAP boleh menghantar Surat Kebenaran Penutupan Akaun yang telah ditandatangani oleh penandatangan sah yang berdaftar ke cawangan pegangan/utama melalui pos.
- 6.9. Pihak Bank mempunyai hak untuk menutup mana-mana Akaun serta-merta yang termasuk di bawah keadaan seperti berikut:
  - (a) Atas permintaan bertulis daripada PAP;
  - (b) Atas hasil carian dengan CTOS, Sistem Maklumat Cek Tak Laku (“SMCTL”) dan senarai negatif dalaman mengesahkan bahawa PAP telah muflis atau disenarai hitamkan;
  - (c) Atas budi bicara pihak Bank selepas memberi notis yang sewajarnya kepada PAP; atau
  - (d) Atas arahan oleh pihak berkuasa yang diluluskan atau melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 6.10. Bank mempunyai hak untuk menggantung mana-mana pengeluaran SURIA di bawah mana-mana hal atau keadaan yang berikut:
  - (a) Kegagalan pasaran luas atau krisis kewangan/ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejatuhan pasaran stok atau kemerosotan harga aset;
  - (b) Kegagalan operasi luar biasa seperti bekalan elektrik terputus berskala besar atau kegagalan sistem;
  - (c) Aset asas yang tertentu tidak mampu dicairkan pada harga yang sesuai;
  - (d) Kepentingan IAH akan terjejas jika penebusan tidak digantung; atau
  - (e) Apa-apa peristiwa atau hal keadaan lain yang tertakluk pada budi bicara Bank.
- 6.11. PAP mestilah menyimpan sendiri Kad Debit dengan cermat dan selamat oleh kerana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami oleh PAP sekiranya disebabkan oleh kecuaiannya PAP, orang yang tidak diberi kuasa memperolehi Kad Debit dan telah melakukan penipuan pengeluaran daripada Akaun PAP.
- 6.12. PAP dikehendaki membayar caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM 10) ataupun bersamaan dengan jumlah baki di dalam Akaun, yang mana lebih rendah sekiranya Akaun tersebut ditutup dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh pembukaan.

### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

## 7. SKOP MUDARABAH

- 7.1 SURIA menggunakan kontrak *Mudarabah* di mana PAP (*rabbul mal*) menyumbang modal untuk diuruskan oleh pihak Bank (*mudarib*) tanpa sebarang sekatan spesifik dan pihak Bank melaburkan modal tersebut ke dalam Dana Akaun Pelaburan.
- 7.2 Di bawah SURIA, pihak Bank sebagai *mudarib* tidak boleh menjamin dan tidak menjamin Amaun Pelaburan (prinsipal) dan juga keuntungan yang dijangka daripada Pelaburan.
- 7.3 Prinsip-prinsip *Mudarabah* menetapkan bahawa sebarang pulangan daripada modal akan dikongsi di antara *rabbul mal* dan *mudarib* berdasarkan kepada NPK yang telah dipersetujui manakala sebarang pulangan negatif atau Kerugian Pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh PAP dalam kapasitinya sebagai *rabbul mal* dengan syarat kerugian tersebut bukanlah berpunca daripada salah laku (*ta'adi*), kecuaihan (*taqsir*), dan melanggar terma-terma (*mukhalafah al-shurut*) oleh pihak Bank sebagai *mudarib*.
- 7.4 Selaras dengan peranan Bank sebagai *mudarib*, pihak Bank hendaklah:
  - (a) menguruskan Amaun Pelaburan ke dalam Usaha Niaga *Mudarabah*; dan
  - (b) mengira dan mengagihkan sebarang pulangan yang dijana daripada Aset Portfolio yang diperuntukkan.
- 7.5 Selaras dengan mandat yang diberikan oleh PAP kepada pihak Bank sebagai *mudarib*, PAP bersetuju dan memberikan hak kepada Bank untuk menjalankan usaha dan budi bicara untuk melabur Amaun Pelaburan ke dalam Usaha Niaga *Mudarabah* di bawah skop Aset Portfolio yang diperuntukkan dalam cara sebaik mungkin di bawah keadaan semasa yang berkaitan dengan saiz jumlah Amaun Pelaburan.

## 8. AKAUN PENYATA

- 8.1 E-penyata boleh didapati di dalam Perbankan Internet BMMB (i-Muamalat). Namun, Penyata Akaun hendaklah disediakan atas permintaan secara ad-hoc oleh PAP. Dalam hal ini, ad-hoc bermaksud permintaan PAP secara tidak berkala/berjadual.
- 8.2 PAP dikehendaki memeriksa setiap butiran di dalam penyata yang disediakan atau dihantar kepada PAP dan melaporkan dengan segera kepada pihak Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakaturhan, perselisihan, tuntutan atau pun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaihan atau pengeluaran daripada pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penyata dikeluarkan, penyata Akaun tersebut dianggap betul dan tepat.
- 8.3 PAP bersetuju bahawa penyata baki bagi SURIA hanya akan dikeluarkan sekali dalam sebulan.
- 8.4 Hanya penyata baki akaun yang dikeluarkan oleh Bank akan dianggap sebagai sah kecuali sekiranya dipertikaikan pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank. Bank dilindungi dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan yang tidak dibenarkan pada penyata baki akaun yang dikeluarkan oleh Bank, atau dengan penyalahgunaan, penerimaan atau penggunaan tanpa kebenaran.
- 8.5 PAP bersetuju untuk menyemak penyata-penyata yang disebut dalam Fasal 8.1 di atas dan memaklumkan kepada Bank dalam tempoh empat belas hari (14) dari hari penyata disediakan atau penerimaan penyata akaun PAP tersebut bagi sebarang kesilapan, kejanggalan, perbezaan, tuntutan atau perkara debit atau kredit yang tidak mendapat kebenaran PAP sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuaihan atau sebaliknya oleh mana-mana pihak.
- 8.6 PAP bersetuju bahawa sekiranya PAP gagal memaklumkan pihak Bank secara bertulis tentang isu penyata tidak disediakan atau tidak menerima penyata dari Bank untuk memaklumkan kepada Bank sebarang kesilapan, percanggahan tuntutan atau barangan tanpa kebenaran debit atau kredit dalam penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh yang sama, akaun atau rekod-rekod Bank adalah terbukti sebagai catatan transaksi urusanniaga dan baki yang muktamad bagi akaun tersebut dan PAP hendaklah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata sebagai benar dan tepat dalam semua aspek. Mana-mana pindaan selanjutnya ke atas penyata-penyata hendaklah mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.
- 8.7 Pihak Bank berhak, tanpa mengeluarkan notis terlebih dahulu kepada PAP, menambah dan/atau mengubah perkara di dalam penyata akaun dan arahan transaksi, arahan deposit dan rekod jika terdapat mana-mana perkara atau amaun yang tidak betul atau hilang seperti yang dinyatakan dalam dokumen tersebut. Pihak Bank seterusnya akan memaklumkan kepada PAP.
- 8.8 Bank boleh membatalkan, memulangkan, menuntut bayaran balik, mendebit Akaun, menyebabkan jumlah supaya tidak mencukupi untuk pengeluaran atau menganggap akaun tersebut sebagai terlebih pengeluaran dan membuat pelarasan yang sepadan ke atas penyata, arahan pengesahan atau buku akaun sekiranya:
  - (a) Bank perlu membetulkan sebarang kesilapan;
  - (b) Bank dikehendaki untuk mengembalikan dana kepada pembayar;
  - (c) Bank masih belum menerima dana yang telah dijelaskan dan tidak bersyarat secara sepenuhnya dalam masa yang telah ditetapkan; dan

### AMARAN:

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**



- (d) Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk berbuat demikian atau terdapat pelanggaran terhadap peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.

9. **KAD DEBIT DAN MESIN JURUWANG AUTOMATIK ("MJA")**

- 9.1. Ringgit Malaysia Satu (RM 1) bagi setiap pengeluaran MJA MEPS akan dikenakan. Yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas (RM 12) akan dikenakan untuk kad Debit dan akan didebitkan daripada Akaun PAP.
- 9.2. PAP bertanggungjawab untuk mengaktifkan dan menukar PIN, melalui MJA, yang telah ditetapkan oleh pihak Bank dalam tempoh 24 jam selepas pengeluaran kad Debit. PIN kad Debit yang telah ditentukan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak di dalam apa-apa jua keadaan sekalipun, atau dituliskan, jika gagal berbuat demikian sebarang penggunaan tanpa kebenaran akan ditanggung oleh PAP.

10. **PINDAHAN DANA DARIPADA AKAUN PERBANKAN MELALUI MJA DAN/ATAU PERKHIDMATAN PERBANKAN ELEKTRONIK**

- 10.1. Jika PAP memindahkan apa-apa dana daripada mana-mana Akaun Perbankan PAP kepada mana-mana Akaun Perbankan PAP atau kepada mana-mana Akaun Perbankan milik pihak ketiga, PAP dengan ini bersetuju bahawa amaun itu hendaklah didebitkan secara automatik daripada Akaun Perbankan PAP apabila selesai transaksi dan dianggap dipindahkan kepada Akaun Perbankan yang menerima dan bahawa PAP tidak berhak meminta Bank membayar balik atau mengkredit balik Akaun Perbankan PAP walau atas apa-apa sebab sekalipun.

11. **ARAHAN TETAP / URUSNIAGA ANTARA BANK GIRO**

- 11.1. Walaupun menerima sebarang arahan tetap atau urusaniaga antara bank GIRO daripada PAP, Bank tidak bertanggungjawab untuk mematuhi sebarang arahan sedemikian jika pada tarikh tertentu yang dinyatakan untuk pembayaran melalui Bank, sekiranya didapati tiada dana atau dana yang terdapat di dalam akaun tidak mencukupi. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang arahan tetap atau urusaniaga antara bank GIRO sekiranya dana yang diterima di dalam akaun pada sebarang hari selepas daripada tarikh pembayaran yang seperti yang dinyatakan oleh pihak Bank. Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana perjanjian antara pihak Bank dan PAP, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap PAP bagi keengganan atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana arahan atau urusaniaga antara bank GIRO yang diterima daripada PAP.
- 11.2. Atas budi bicara mutlak Bank berhak menamatkan Arahan Tetap/Urusiaga antara Bank Giro pada bila-bila masa apabila mendapati baki akaun tidak mencukupi dengan notis. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesan akibat daripada penamatan.

12. **AKAUN DORMAN**

- 12.1. Akaun dorman ditakrifkan sebagai akaun tidak aktif yang tidak mempunyai sebarang transaksi (pengeluaran dan deposit) selama dua belas (12) bulan tidak termasuk yang dilakukan oleh pihak Bank.
- 12.2. Apabila akaun dianggap sebagai dorman, PAP boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut. Pengaktifan semula akaun boleh dilakukan oleh PAP sahaja (pemegang akaun) dengan mendeposit atau pengeluaran di mana-mana cawangan Bank.
- 12.3. Jika tiada pengaktifan daripada pihak PAP, pihak Bank berhak untuk menutup Akaun tersebut dengan baki sebanyak RM 10 atau kurang, dan baki tersebut akan diserap oleh pihak Bank sebagai yuran perkhidmatan.
- 12.4. Bagi akaun dorman dengan baki yang melebihi RM 10, pihak Bank akan mengenakan caj servis tahunan sehingga baki selebihnya dihantar ke Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965.

13. **WANG TAK DITUNTUT**

- 13.1. Di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965, mana-mana wang yang ada di dalam kredit sesuatu akaun yang tidak beroperasi dengan apa cara sekalipun oleh pihak PAP bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". PAP akan diberi notis yang mencukupi terlebih dahulu sebelum wang tersebut dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut ("PWTD").

**AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

#### 14. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR

- 14.1. Tiada sebarang perubahan dalam maklumat PAP, alamat, nombor telefon, nombor faksimili, atau lain-lain maklumat PAP yang telah direkodkan oleh pihak Bank, walau apa jua yang akan dianggap efektif atau terikat melainkan PAP telah memberikan notis bertulis kepada pihak Bank berkenaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan selepasnya bagi alamat di mana, pihak Bank tidak mengetahui pada masa tersebut bahawa perubahan tersebut telah dilakukan atau dijalankan. Sebarang komunikasi yang dihantar oleh pihak Bank melalui penghantaran elektronik dan/atau servis pesanan ringkas dan/atau melalui pos kepada alamat pihak PAP yang telah di daftarkan kepada pihak Bank, adalah dianggap sebagai sudah dihantar kepada pihak PAP dan diterima oleh pihak PAP melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.
- 14.2. PAP dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis tidak lewat daripada tiga (3) hari sekiranya terdapat perubahan pada alamat ataupun sebarang maklumat penting yang direkodkan oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau diletakkan di tempat alamat terakhir PAP yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada PAP melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.

#### 15. OPERASI BAGI AKAUN INDIVIDU / AKAUN BERSAMA

- 15.1. PAP sebagai seorang individu, waris atau pentadbir PAP hendaklah menjadi satu-satunya orang yang diiktiraf oleh pihak Bank sebagai pengganti PAP sekiranya PAP meninggal dunia. Setelah notis kematian PAP diterima, pihak Bank berhak untuk membekukan akaun sehingga pengganti PAP mengemukakan sijil pengesahan wasiat atau surat akuan.
- 15.2. Keluarga terdekat seperti pasangan, anak, abang atau kakak dan ibu bapa mestilah berumur lapan belas (18) tahun ke atas, atau mana-mana pewaris mengikut undang-undang.
- 15.3. Bagi akaun bersama, mana-mana baki kredit di dalam Akaun, selepas pengeluaran oleh keluarga terdekat atau waris sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM 3,000) boleh dibayar kepada pihak penuntut yang sah tertakluk kepada apa-apa duti harta pusaka (jika berkenaan) atau apa-apa bentuk perundangan lain yang serupa.
- 15.4. Jika akaun dibuka atas nama dua individu atau lebih ('Akaun Bersama'), individu tersebut hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang ditanggung ke atas Akaun Bersama.
  - (a) Akaun Bersama yang dikendalikan dengan pengesahan tandatangan tunggal, arahan daripada salah seorang pemegang Akaun Bersama akan diterima oleh pihak Bank dan arahan tersebut dianggap telah dipersetujui oleh pemegang Akaun Bersama yang lain. Jika, sebelum Bank bertindak atas arahan yang diterima daripada salah seorang pemegang Akaun Bersama, Bank menerima arahan yang bercanggah daripada pemegang akaun bersama yang lain, pihak Bank boleh memilih untuk bertindak hanya selepas kesemua pemegang Akaun Bersama memberi persetujuan, tanpa mengambil kira bahawa Akaun Bersama memerlukan pengesahan tandatangan tunggal.
  - (b) Bagi Akaun Bersama yang dikendalikan dengan kuasa menandatangani perjanjian bersama, arahan lisan tidak akan diterima oleh pihak Bank. Arahan bertulis boleh diberikan oleh pemegang akaun samada satu atau pun lebih, di mana jika semua diterima bersama-sama akan dianggap sebagai dokumen yang sama.
  - (c) Pihak Bank berhak untuk menolak untuk menerima cek atau instrumen kewangan yang dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama untul dibayar ke dalam akaun bersama. Sekiranya pihak Bank menerima sebarang cek atau instrumen kewangan yang dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama, pemegang akaun bersama hendaklah bersetuju untuk menanggung sebarang kerugian bagi pihak Bank akibat daripada sebarang kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada penerimaan cek atau instrumen kewangan tersebut melainkan jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecauaian melampau oleh pihak Bank.
  - (d) Apabila PAP meninggal dunia (bagi individu beragama Islam / pemegang akaun bersama Islam), waris boleh menuntut sejumlah amaun tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM 3,000) daripada Akaun tersebut bagi tujuan perbelanjaan pengebumian dan kos yang berkaitan yang dinilai sebagai perlu oleh pihak Bank dan pihak Bank tidak akan pada bila-bila masa dipertanggungjawabkan terhadap pengeluaran tersebut. Sebarang baki kredit hanya dibayar kepada pengganti pemegang Akaun setelah mengemukakan Surat Pentadbiran daripada Mahkamah Tinggi/'Grant of Probate' daripada Mahkamah Tinggi, atau Perintah Pembahagian Harta daripada Pejabat Tanah atau Surat Akuan atau Surat Perintah daripada Amanah Raya Berhad ("ARB") (jika berkenaan).

#### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

- (e) Bagi pemegang akaun bersama yang bukan beragama Islam, sekiranya berlaku kematian kepada sama ada/atau salah seorang daripada pemegang akaun bersama, sebarang baki yang terdapat di dalam akaun bersama tersebut akan dibayar kepada pemegang akaun bersama yang masih hidup mengikut peruntukan yang berkenaan, tertakluk kepada kanun undang-undang (jika diperlukan) dengan undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa pada masa itu, tertakluk kepada jaminan oleh pemegang akaun bersama yang masih hidup kepada Bank terhadap apa-apa tuntutan yang mungkin dilakukan akibat daripada pembayaran yang dilakukan oleh pihak Bank.
  - (f) Pemegang akaun bersama dan hartanya, bersama-sama dengan pemegang akaun bersama yang lain, mengaku janji untuk menjamin dan memastikan pihak Bank dikecualikan daripada sebarang tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan, termasuk yang timbul daripada:
    - i) Pembekuan Akaun Bersama dan pengekalannya baki kredit di dalam Akaun Bersama dengan cara yang dinyatakan seperti yang dinyatakan di atas; dan
    - ii) Sebarang pertikaian di antara Pemegang-Pemegang Akaun Bersama dan wakil-wakil peribadi kepada pemegang Akaun Bersama yang meninggal dunia, Bank berhak untuk mendebit dari Akaun Bersama di atas sebarang tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan mengikut budi bicara mutlak pihak Bank melainkan jika tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan kerosakan tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiannya melampau oleh pihak Bank..
- 15.5. Apabila sijil pengesahan wasiat atau surat kuasa diserahkan, pihak Bank boleh, atas permintaan PAP, untuk membuka akaun di atas nama harta pusaka si mati. Pemegang amanah, pentadbir harta pusaka atau wakil peribadi si mati hendaklah mengendalikan akaun tersebut seperti yang tercatat di dalam sijil pengesahan wasiat atau surat akaun yang diserahkan.
- 15.6. PAP membenarkan pihak Bank untuk memasukkan semua jumlah yang diterima oleh pihak Bank melalui cek atau surat cara boleh niaga kepada sama ada atau pun kepada salah seorang daripada pemegang akaun bersama untuk dimasukkan ke dalam akaun bersama dan untuk menyerahkan sebarang surat cara boleh niaga atau cek yang mungkin disimpan oleh pihak Bank kepada akaun bersama atau pun kepada salah seorang PAP akaun bersama.
- 15.7. Sebarang pengeluaran oleh mana-mana pihak adalah berdasarkan perjanjian anantara kedua-dua pemegang akaun bersama, kecuali penutupan akaun boleh dilaksanakan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.
- 15.8. PAP secara bersama dan berasingan menjamin pihak Bank daripada sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa jua liabiliti ketika mana dan di mana akibat daripada pemberikuasaan berkenaan dengan deposit dan pengendalian Akaun PAP kecuali bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh kecuaiannya, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.

## 16. PEMBEKUAN DAN PENGGANTUNGAN AKAUN SURIA

- 16.1. PAP bersetuju bahawa Pihak Bank berhak untuk membekukan Akaun PAP pada bila-bila masa ketika berlaku salah satu daripada peristiwa yang berikut:
- (a) Menuruti arahan daripada Pengawal Selia dan/atau Pihak Berkuasa seperti BNM, pihak Polis, SPRM atau perintah penyiasatan atau mahkamah, kebangkrutan pemegang akaun, penutupan syarikat atau ketidakwarasan PAP;
  - (b) Sekiranya pihak Bank mengesyaki bahawa Akaun PAP digunakan untuk atau terlibat dalam penipuan atau aktiviti penipuan yang disyaki, atau pihak Bank pada pendapatnya berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada pihak Bank untuk membuka Akaun adalah didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau digubah dan/atau penyalahgunaan identiti;
  - (c) Sekiranya pihak Bank, pihak Polis dan/atau pihak Berkuasa melakukan penyiasatan ke atas sebarang transaksi haram atau disyaki transaksi haram yang dilakukan melalui Akaun, penyalahgunaan atau kecurigaan atas penyalahgunaan Akaun atau sebarang transaksi penipuan berkenaan dengan Akaun termasuk tetapi tidak terbatas kepada penyerahan cek yang tidak berhak diterima oleh PAP;
  - (d) Berdasarkan laporan Polis yang dibuat terhadap PAP berkenaan dengan Akaun, oleh pihak Bank atau individu lain;
  - (e) Sekiranya terdapat kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada PAP yang didepositkan melalui PAP adalah ditangguhkan, ditarik balik atau dihentikan dengan apa-apa alasan oleh pihak Bank;
  - (f) Sekiranya berlaku kematian pemegang akaun dan/atau penandatanganan yang diberi kuasa bagi mengendalikan akaun untuk perkongsian dan/atau Syarikat atau mana-mana entiti yang sah, pihak Bank akan terus membekukan Akaun tersebut sehingga mendapat mandat yang baru atau penandatanganan baru yang diberi kuasa yang diberikan kepada Bank;

### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**



- (g) Apabila pihak Bank mengetahui adanya cek dan/atau instrumen kewangan dan/atau jumlah wang yang telah dikreditkan ke dalam Akaun adalah akibat daripada pemalsuan dan/atau penggubahan instrumen dan/atau arahan dan/atau penipuan transaksi, dengan atau tanpa penglibatan PAP; atau
  - (h) Apabila pihak Bank diberitahu tentang aduan yang dibuat oleh pihak ketiga bersama-sama dengan Pihak Berkuasa bahawa Akaun tersebut telah digunakan untuk melakukan penipuan transaksi dan/atau deposit dan/atau penipuan dan/atau meminta deposit haram, dengan syarat lebih lanjut kebijaksanaan Bank mengenai pembekuan Akaun hendaklah mengikut pendapat dan budi bicaranya berdasarkan penyiataan dalamannya sendiri atau maklumat yang disediakan kepadanya oleh Pihak Berkuasa.
  - (i) Apabila pihak Bank menerima apa-apa arahan atau perintah daripada Agensi Penguatkuasa Undang-undang (LEA) seperti yang termaktub dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001(AMLA); atau
  - (j) Sekiranya nama PAP menyamai Senarai Domestik, Senarai Resolusi Majlis Keselamatan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) dan/atau pihak yang berkaitan mengikut prosedur AMLA.
- 16.2. Fasal di atas merujuk kepada pemegang akaun individu, akaun bersama atau akaun firma di bawah pemilikan tunggal atau perkongsian.
- 16.3. PAP seterusnya bersetuju bahawa Pembekuan atau Penggantungan Akaun tersebut akan dihentikan atau dikeluarkan apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
- (a) Berkenaan dengan perihal Insolvensi, PAP perlu menunjukkan bukti-bukti yang bersesuaian sehingga mencapai kepuasan pihak Bank bahawa petyisyen penggugungan atau muflis telah ditarik atau ditolak secara sah atau permohonan ditolak atau dibatalkan oleh Mahkamah atau yang mana seseorang atau lebih ramai pengaruh kami dihukum bankrap, pihak Bank diberi mandat baru berkenaan perubahan penandatanganan Akaun dan berpuas hati bahawa mandat baru tersebut disahkan oleh lembaga pengarah, atau pihak Bank diserahkan dengan perintah mahkamah yang sesuai yang menjatuhkan penarikan Pembekuan atau Penggantungan Akaun;
  - (b) Berkenaan dengan Arahan Pihak Berkuasa, pihak Bank telah dimaklumkan secara tertulis oleh Pihak Berkuasa mengenai penarikan Pembekuan dan Penangguhan Akaun, atau sebagai alternatif perintah mahkamah yang sesuai telah disampaikan kepada pihak Bank yang menjatuhkan penarikan Pembekuan dan Penggantungan Akaun;
  - (c) Sehubungan dengan penyiataan oleh Bank atau Pihak Berkuasa, pihak Bank berpuas hati bahawa tidak ada penyelidikan lebih lanjut yang diperlukan atau pihak Bank diserahkan dengan pemberitahuan oleh Pihak Berkuasa bahawa penyelidikan telah dihentikan dan Akaun tersebut tidak lagi mempunyai kaitan dengan siasaan yang sedang dijalankan;
  - (d) Berkenaan dengan kematian pemegang akaun tunggal, apabila diserahkan kepada pihak Bank pemberian surat kuasa atau surat pentadbiran oleh waris si mati atau apa-apa bentuk lain yang berkaitan daripada Pejabat Tanah dan/atau mana-mana badan yang diluluskan di bawah undang-undang yang berkaitan yang berlaku pada waktu itu, atau mandat baru dengan penandatanganan baru yang sah untuk mengendalikan perkongsian dan/atau Syarikat atau Akaun entiti tersebut diserahkan kepada Bank; atau
  - (e) Berkenaan dengan jumlah tertunggak yang harus dibayar kepada pihak Bank, apabila pihak Bank melaksanakan hak hukumnya untuk mengimbangi jumlah tersebut terhadap baki Akaun.
- 16.4. Dalam Pembekuan dan Penggantungan Akaun menurut terma dan syarat di sini termasuk apa-apa tindakan yang mungkin diambil oleh pihak Bank seperti mengembalikan cek atau instrumen lain sama ada disimpan untuk pungutan atau pembayaran seperti yang diperuntukkan di sini, PAP bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggung jawab untuk dan/atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian kerosakan kos perbelanjaan atau caj yang mungkin ditanggung oleh PAP dan/atau dituntut terhadap pihak Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank (termasuk kos undang-undang ke atas peguam dan asas PAP) dan sehubungan dengan itu, PAP selanjutnya bersetuju untuk melindungi pihak Bank sepenuhnya daripada sebarang tuntutan untuk kerugian kos perbelanjaan atau caj (termasuk fi undang-undang atas dasar peguam dan PAP) yang mungkin dibuat terhadap Bank atau mana-mana pihak.
- 16.5. PAP hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekuan Akaun bersama bukti yang sesuai dengan memuaskan hati pihak Bank bahawa tindakan itu telah dikeluarkan.

### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

**17. ASET PORTFOLIO**

17.1. Aset Portfolio termasuk tetapi tidak terhad kepada aset di bawah yang mana akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlakunya:

- (a) Aset Pembiayaan Konsumer – termasuk tetapi tidak terhad kepada Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi Peribadi dan sebagainya.

**18. NISBAH PERKONGSIAN KEUNTUNGAN (NPK)**

18.1 NPK akan ditentukan apabila memasuki kontrak Mudarabah.

18.2 Nisbah Perkongsian Keuntungan:

PAP (%)	Bank (%)
2	98

**19. KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN**

19.1. Apa-apa keuntungan yang diperolehi dari aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dikongsi di antara bank dan IAH mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan di dalam PDS.

19.2. Keuntungan akan secara automatik dilaburkan dan pengagihan modal dan keuntungan, jika ada, akan berdasarkan NPK yang telah dipersetujui.

19.3. Bank akan membayar keuntungan IAH, jika ada, yang dihasilkan daripada SURIA berdasarkan NPK di bawah Perjanjian Mudarabah pada setiap bulan.

19.4. PAP dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah NPK dan tahap-tahapnya dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis atau komunikasi mengenai perubahan tersebut, dan apa-apa notis atau komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian, atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak PAP di alamat terkini yang direkodkan oleh pihak Bank, atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar, atau e-mel, atau laman sesawang, atau khidmat pesanan ringkas, atau apa cara yang bersesuaian yang dinilai oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau dihantarkan di alamat terakhir PAP yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada PAP melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.

**20. TERMA DAN SYARAT KHUSUS BAGI KEMPEN SURIA**

20.1. SURIA hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang mentadbir kempen yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**21. CUKAI PEGANGAN**

21.1. PAP memberi kuasa kepada pihak Bank atas budi bicara pihak Bank untuk menolak jumlah tertentu daripada pendapatan bersih sebagai simpanan untuk mengekalkan tahap konsisten dalam pengagihan keuntungan. Cukai pegangan, jika ada, akan ditolak dan keuntungan berbayar, pada kadar yang ditentukan dari semasa ke semasa.

**22. LIABILITI BANK**

22.1. Sekiranya terdapat mana-mana cek, draf, wang pos dan kiriman wang PAP, dan lain-lain yang hilang, tersalah letak, dirosakkan atau dimusnahkan semasa urusan pungutan biasa Bank, dengan ini PAP bersetuju bahawa PAP tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian, liabiliti atau ganti rugi yang PAP mungkin alami, tanggung atau dipertanggungjawabkan berikutan berlakunya kejadian sedemikian melainkan jika kerugian atau liabiliti tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiannya melampau oleh pihak Bank.

22.2. Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak PAP atau atas permohonan PAP, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik PAP yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank mempunyai hak untuk menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga demikian yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak mengikut budi bicara mutlakunya untuk menolak cek-cek PAP sehingga liabiliti diselesaikan.

**AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

- 22.3. Dengan ini, PAP memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia menurut arahan mereka dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi-institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang suci hati. Dengan berbuat demikian, Bank hendaklah dilepaskan daripada apa juga tanggungjawab atau liabiliti.
- 22.4. Sekiranya Bank melantik atau terpaksa melantik peguamcara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding guaman atau apa-apa cara lain berkaitan dengan akaun PAP, PAP bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj yang berkaitan dengannya dan Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun bagi kos, fi dan caj berkenaan.
- 22.5. PAP bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan PAP akan menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada menanggung semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh PAP atau Bank dengan mana-mana atau semua akaun Bank, atau berikutan pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun bank PAP atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau rasmi melainkan jika kerugian, kos, dan perbelanjaan tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.
- 22.6. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang PAP alami, seandainya Bank mematuhi atau tidak mematuhi arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh PAP yang tidak lengkap atau tidak jelas atau sekiranya amaun deposit tidak mencukupi untuk membayar caj bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan sedemikian atau disebabkan oleh atau akibat daripada perniagaan atau operasi, yang terhalang atau terganggu disebabkan oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, dan/atau pemalsuan berikutan kecuaiian PAP, permusuhan, terputus bekalan elektrik atau perhubungan atau sistem rangkaian telekomunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, larangan, atau kerosakan mesin dan peralatan.
- 22.7. Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh pihak PAP atau wakil yang dibenarkan oleh PAP, merupakan pembayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada PAP dan mana-mana pihak yang berkenaan.
- 23. HAK UNTUK MENOLAK-SELESAIKAN**
- 23.1. PAP bersetuju bahawa sebagai tambahan kepada lien umum atau hak-hak Bank yang diperakui oleh undang-undang, pihak Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis yang mencukupi, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun perbankan PAP walau apa jua sifatnya, di mana-mana cawangan Bank berserta liabiliti kepada pihak Bank dan menolak-selesaikan atau memindahkan sebarang jumlah wang yang berada pada kredit dalam mana-mana atau kesemua akaun perbankan dalam atau terhadap penyelesaian mana-mana liabiliti PAP, sama ada liabiliti tersebut adalah pada masa kini, masa hadapan, sebenar atau kontingen, yang berada pada kredit dalam mana-mana akaun perbankan PAP hendaklah setakat mana yang diperlukan untuk melindungi liabiliti tersebut atau sebarang jumlah wang yang terhutang kepada pihak Bank.
- 23.2. Sekiranya PAP gagal untuk memberitahu atau memulangkan sebarang amaun yang telah salah dikreditkan ke Akaun PAP melalui apa-apa cara sekalipun atau telah dikreditkan dengan betul tetapi kemudiannya gagal disebabkan oleh pengiriman atau pihak pembayar, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dan tanpa notis, untuk mendebitkan daripada Akaun PAP sebarang jumlah yang telah salah dikreditkan ke dalam Akaun tersebut.
- 24. HAK BANK UNTUK MENDEBIT AKAUN PERBANKAN**
- 24.1. PAP bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mendebitkan Akaun Perbankan PAP setelah diberikan notis yang mencukupi, apa-apa jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Perbankan PAP akibat daripada keraguan melalui apa jua instrumen/arahan/penipuan transaksi, sama ada dengan/tanpa penglibatan PAP.
- 25. PENUTUPAN AKAUN PERBANKAN**
- 25.1. PAP dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak:-
- Menutup mana-mana Akaun Perbankan jika nama PAP terdapat dalam Senarai Hitam yang dikeluarkan oleh Biro Kredit, Bank Negara Malaysia dengan memberikan PAP notis empat belas (14) hari tentang hasrat tersebut.
  - Menutup mana-mana Akaun Perbankan walau atas apa-apa sebab sekalipun dengan memberikan notis empat belas (14) hari tentang hasrat tersebut dan Bank hendaklah tidak terikat untuk mendedahkan apa-apa sebab baginya.

### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

## 26. PENGGANTI TERIKAT

26.1. Terma dan Syarat ini adalah mengikat ke atas waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik, dan pengganti jawatan dan orang yang ditugaskan oleh Bank. PAP tidak akan menyerahkan apa-apa hak dan kepentingan PAP dalam Akaun Perbankan atau perkhidmatan itu. Obligasi dan liabiliti PAP hendaklah diteruskan walaupun terdapat apa-apa perubahan melalui penyatuan, pembentukan semula atau selainnya dalam perlembagaan Bank.

## 27. PENEPIAN

27.1. Kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan atau ketinggalan untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang disediakan di bawah Terma dan Syarat hendaklah dianggap sebagai pengecualian atau persetujuan berhubung keingiran demikian yang akan memberi kesan atau mengurangkan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di dalam ini.

## 28. KEBOLEHASINGAN

28.1. Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang, dengan itu kesahihan, kesahan dan ketidakbolehuatkuasaan peruntukan peruntukan yang lain tidak boleh dalam apa jua cara terkesan atau berkurangan.

## 29. PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)

29.1. Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) seperti garis panduan pelaburan Mudarabah.

29.2. Wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan adalah tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan kepada:

- (a) Akaun deposit dibayar di luar Malaysia;
- (b) Akaun Deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan Islam Labuan;
- (c) Akaun Deposit yang dipegang oleh Bukan Ahli Pengambilan Deposit; atau
- (d) Akaun bukan Deposit (Contoh: Unit amanah, akaun dagangan sekuriti, Lembaga Tabung Haji, Unit Amanah ASNB, akaun emas, dan lain-lain akaun bukan Deposit yang berkaitan).

## 30. PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI DAN DATA PAP DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 ("IFSA") DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

30.1. Pihak PAP memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, mengekalkan, menyimpan, dan mengawal data peribadi PAP kepada entiti-entiti lain yang mempunyai hubungan bersama BMMB, termasuklah cawangan-cawangan BMMB dan juga syarikat subsidiari dan pihak-pihak luar, termasuk juga namun tidak terhad kepada pihak-pihak/badan-badan yang tersenarai di dalam fasal 30.2 di bawah.

30.2. Pihak PAP juga memberi kebenaran dan persetujuan kepada pihak Bank untuk melaksanakan penyemakan kredit dan memastikan bahawa maklumat yang PAP beri adalah sah di dalam perisian Akaun Perbankan atau perkhidmatan bersama-sama dengan biro-biro kredit atau pembangunan korporat yang bertujuan untuk mengumpul dan membekalkan maklumat kredit atau maklumat lain. Pihak PAP juga memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan status kewangan PAP, maklumat akaun, perhubungan akaun bersama Bank, termasuk juga baki kredit kepada:

- (a) kerajaan atau penguasa peraturan di Malaysia dan penguasa peraturan di mana-mana sahaja, termasuklah Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
- (b) syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan bersama Bank oleh sebab seksyen 7 di bawah Akta Syarikat 2016, atau mana-mana syarikat bersekutu di bawah bank;
- (c) pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk pembekal-pembekal luar, peguam-peguam, calon-calon, penjaga-penjaga, organisasi pemegang saham atau pendaftar, agen-agen pungutan hutang) kepada Bank;
- (d) ejen-ejen Bank, perunding-perunding, dan penasihat-penasihat profesional;
- (e) pihak polis atau mana-mana pegawai perisikan yang melaksanakan penyiasatan; dan
- (f) mana-mana pihak yang dibenarkan untuk didedahkan atau diwajibkan oleh undang-undang, syarat-syarat, atas arahan atau permintaan daripada pihak kerajaan.

### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**

- 30.3. Pihak Bank boleh, mengikut kepada pematuhan yang terdapat pada terma dan syarat, menggunakan atau meletakkan di mana-mana maklumat yang berkaitan dengan PAP setelah dikumpulkan, dikompilkan, atau diperolehi daripada Bank melalui, atau apa-apa cara dengan tujuan mendapatkan maklumat tersebut seperti yang ditentukan oleh pihak Bank.
- 30.4. Pihak PAP telah bersetuju bahawa kakitangan Bank, kontraktor-kontraktor bebas, wakil-wakil atau agen-agen untuk menghubungi PAP dari semasa ke semasa melalui perjumpaan secara peribadi atau komunikasi secara lisan melalui apa-apa cara komunikasi, termasuk juga namun tidak terhad kepada panggilan telefon berkenaan promosi produk-produk atau perkhidmatan, kecuali tidak dipersetujui oleh pihak PAP melalui penulisan.
- 30.5. Pihak PAP juga mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi dan data yang diberi adalah benar, mutakhir dan tepat, dan sekiranya ada apa-apa bayaran pada maklumat peribadi PAP atau data, PAP perlu memaklumkan pihak Bank dengan segera.

### 31. UNDANG-UNDANG

- 31.1. T&S ini adalah tertakluk, dikawal serta ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Penasihat Syariah BNM dan peraturan badan-badan dan autoriti yang berkaitan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- 31.2. SURIA adalah tertakluk kepada semua peruntukan yang termaktub di dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (APPWA).
- 31.3. SURIA juga tertakluk kepada semua garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM berkenaan dengan APKI dan APPWA.

### 32. ANTI RASUAH DAN SOGOKAN

- 32.1 Semua pihak diharap dapat memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaannya). Pihak Bank berhak untuk melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dan termasuk untuk menamatkan transaksi ini.

### 33. FI DAN CAJ

- 33.1. Caj akan dikenakan berdasarkan kepada Caj Bank. Pihak Bank hendaklah mematuhi segala peraturan dan keputusan yang dikeluarkan oleh BNM dan lain-lain autoriti yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
- 33.2. PAP dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah fi dan caj berkaitan dengan SURIA ini dengan memberi notis yang mencukupi atau komunikasi mengenai perubahan tersebut, dan apa-apa notis atau komunikasi berkenaan perubahan tersebut boleh dihantar secara persendirian, atau melalui pos berdaftar/biasa ke pihak PAP di alamat terkini yang direkodkan oleh pihak Bank, atau dengan mempamerkan di premis Bank atau akhbar, atau e-mel, atau laman sesawang, atau khidmat pesanan ringkas, atau apa cara yang bersesuaian yang dinilai oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau dihantarkan di alamat terakhir PAP yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada PAP melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.

### 34. FORCE MAJEURE

- 34.1. Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat force majeure atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh PAP yang timbul daripada sebab yang sama.

### 35. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

- 35.1. PAP akan menanggung kerugian pihak Bank, sebagai Bank pengutip, untuk apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank disebabkan oleh jaminan terhadap apa-apa pengesahan, pelepasan, mana-mana cek, bil, nota, deraf, dividen, waran, dan lain-lain surat cara yang dikemukakan oleh PAP bagi pengutipan dan setiap jaminan yang diberi oleh pihak Bank hendaklah disifatkan telah diberi di atas permintaan PAP dalam setiap kes melainkan jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.

## AMARAN:

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**



- 35.2. Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk menambah, mengubahsuai atau membuang mana-mana Terma & Syarat dan mana-mana notis berkenaan dengan penambahan, pengubahsuaian atau pembuangan tersebut boleh dihantar sendiri, atau pos berdaftar/biasa ke alamat terakhir yang diketahui pihak Bank, atau dipamerkan notis di mana-mana premis Bank, atau melalui apa-apa kaedah yang difikirkan munasabah oleh pihak Bank. Bukti pengeposan atau penyerahan atau penampalan notis akan dianggap sebagai bukti penerimaan dan akan mengikat PAP melainkan terdapat bukti yang sebaliknya bahawa notis sedemikian tidak diterima:
- (a) Sekiranya dihantar sendiri, pada masa penghantaran; atau
  - (b) Sekiranya secara pos berdaftar atau biasa, pada tujuh (7) hari bekerja setelah dipos; atau
  - (c) Sekiranya dipamerkan di premis Bank, pada tarikh kuatkuasa seperti yang dinyatakan pada notis tersebut.
- 35.3. Sekiranya terdapat apa-apa perselisihan di antara Terma & Syarat ini dengan mana-mana brosur, material pemasaran atau promosi berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma & Syarat ini akan diguna pakai.
- 35.4. Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua Terma & Syarat di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada PAP dengan notis yang mencukupi dari tarikh berkuatkuasa Terma & Syarat baharu.
- 35.5. Terma-terma dan syarat-syarat termasuk hak-hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah Terma & Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.
- 35.6. Selain daripada T&S ini, maklumat lain yang seharusnya didedahkan kepada PAP akan dinyatakan di dalam RPP and LPD.

*(Tidak Dilindungi Oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)*

### **AMARAN:**

**PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH UTAMA YANG DILABURKAN. TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.**